

**GEO-NARATIF PERJALANAN WANITA
MENYELAMATKAN DIRI DARIPADA
KEGANASAN RUMAH TANGGA
DI MALAYSIA**

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

SITI NURZULAIKA BINTI ROSLAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

**GEO-NARATIF PERJALANAN WANITA MENYELAMATKAN DIRI DARIPADA
KEGANASAN RUMAH TANGGA DI MALAYSIA**

SITI NURZULAIKA BINTI ROSLAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **10 SEPTEMBER 2024**

i. Perakuan Pelajar

Saya, **SITI NURZULAIKA BINTI ROSLAN (M20202001016) FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** Dengan Ini Mengaku Bahawa Disertasi/Tesis Yang Bertajuk **GEO-NARATIF PERJALANAN WANITA MENYELAMATKAN DIRI DARIPADA KEGANASAN RUMAH TANGGA DI MALAYSIA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. ZURIATUNFADZLIAH BINTI SAHDAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **GEO-NARATIF PERJALANAN WANITA MENYELAMATKAN DIRI DARIPADA KEGANASAN RUMAH TANGGA DI MALAYSIA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA SASTERA-GEOGRAFI**.

29 SEPTEMBER 2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR ZURIATUNFADZLIAH SAHDAN
PENSYARAH
JABATAN GEOGRAFI & ALAM SEKITAR
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANJONG MALIM, PERAK



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: GEO-NARATIF PERJALANAN WANITA
MENYELAMATKAN DIRI DARIPADA KEGANASAN
RUMAH TANGGA DI MALAYSIA

No. Matrik /Matric's No.: M20202001016
Saya / I : SITI NURZULAIKA BINTI ROSLAN
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

☒ **TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS**




(Tandatangan Pelajar/
Signature)



(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: 29 SEPTEMBER 2024



Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, penulisan ilmiah ini telah berjaya disiapkan. Berkat doa seorang ibu, saya telah berjaya mengharungi dan berjaya menghabiskan penulisan ini. Terima kasih kerana telah banyak bersabar dan tidak putus-putus mengirimkan doa buat anak yang sedang berjuang sepanjang proses penulisan ini berjalan. Buat bapak, kejayaan ini membuktikan bahawa penat lelah mu tidak sia-sia. Apa yang diimpikan oleh bapak kini telah menjadi kenyataan. Terima kasih juga buat ahli keluarga yang sentiasa tidak penat memberikan sokongan emosi, masa dan kewangan. Terima kasih juga atas kepercayaan yang diberikan sepanjang tempoh pengajian berlangsung. Tidak dilupakan penyelia yang sentiasa berjaya menginspirasi saya untuk terus kekal bertahan sepanjang perjalanan mendapatkan Sarjana Sastera iaitu Dr. Zuriatunfadzliah Sahdan. Terima kasih Dr kerana sentiasa ada di belakang dan menyokong idea-idea gila kita sepanjang tempoh perkenalan kita. Kepercayaan Dr terhadap kebolehan saya telah membuahkan hasil yang bermakna dalam hidup saya. Buat rakan seperjuangan, Aliya Azlan, terima kasih diucapkan kerana tidak pernah jemu ‘memaksa’ saya untuk menghabiskan penulisan ini. Aliya antara pembakar semangat yang sentiasa ada di setiap perjalanan yang panjang dan memenatkan ini. Seperti guru, Aliya sentiasa membantu menjawab soalan-soalan remeh berkenaan penulisan tesis ini. Tidak dilupakan juga petugas-petugas Fakulti Sains Kemanusiaan dan Institut Pengajian Siswazah yang amat saya hargai. Terima kasih kerana sentiasa memudahkan urusan pelajar-pelajar yang sedang berjuang menamatkan pengajian mereka. Tanpa bantuan daripada mereka, saya tidak mungkin dapat sampai ke tahap ini. Terima kasih semua. Tuhan sahaja yang dapat membalas jasa kalian.





ABSTRAK

Kajian mengenai keganasan rumah tangga di Malaysia masih belum mendalami naratif perjalanan yang dialami oleh setiap wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga. Dengan menggunakan pendekatan geo-naratif, penyelidikan ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan untuk mendapatkan peserta kajian dan persampelan teoritikal dalam pembentukan naratif daripada data kajian. Perisian *Quantum Geographic Information System* (QGIS) digunakan untuk membina peta tiga dimensi perjalanan menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga oleh peserta kajian. Dengan memfokuskan kepada campur tangan yang terlibat, kajian ini mendapati bahawa terdapat tiga naratif perjalanan wanita iaitu; stasis, ulang-alik dan disorientasi. Naratif ini perlu difahami sebagai mempunyai perhubungan yang dinamik dan tidak berasingan antara satu sama lain. Naratif stasis dalam kajian ini merujuk kepada keadaan atau tempoh wanita yang tidak aktif daripada melakukan sebarang perjalanan. Wanita juga melakukan perjalanan ulang-alik yang melibatkan lokasi asal ke tempat yang menawarkan campur tangan. Perjalanan disorientasi merujuk kepada perjalanan yang tiada hala tuju lokasi dan tanpa mengetahui akibat daripada perjalanan tersebut. Kesemua lokasi yang akan dituju oleh wanita adalah bergantung kepada kewujudan campur tangan dan sumber informasi. Justeru, kajian ini dapat memberi sumbangan kepada bidang geografi manusia dalam memahami naratif perjalanan wanita yang berada dalam krisis seperti keganasan rumah tangga. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu masyarakat dan pihak berkuasa dalam memberikan campur tangan yang lebih berkesan kepada wanita yang mengalami keganasan rumah tangga.





GEO-NARRATIVE OF WOMENS' JOURNEY WHILE SAVING THEMSELVES FROM DOMESTIC VIOLENCE IN MALAYSIA

ABSTRACT

Domestic violence research in Malaysia have been insufficiently delved into the narratives of abused women's journeys escaping domestic violence. Adopting a geo-narrative approach, this study employs purposive sampling to recruit participants as well as theoretical sampling to develop narratives from the research data. The Quantum Geographic Information System (QGIS) software is utilised to create three-dimensional maps of the abused women's journeys escaping from domestic violence. This study identifies three narratives of the journeys from the women; stasis, shuttle, and disorientation. These narratives should be seen as interconnected, rather than distinct entities. The stasis narrative specifically refers to a time frame in which women are inactive and do not engage in any physical journey. Women also undertake shuttle journeys, which involve traveling from their original locations to places offering interventions. The disorientation journey refers to a journey without a specific destination or a clear understanding of its consequences. The locations of the journeys depending on the availability of interventions and sources of information. This study contributes to the field of human geography by providing an understanding of the narratives of displacement journeys by women in crisis, such as those experiencing domestic violence. Additionally, this study can help the community and authorities develop more effective interventions for abused women.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

SENARAI SINGKATAN

SENARAI LAMPIRAN

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Persoalan Kajian	11
1.5	Objektif Kajian	11
1.6	Kepentingan Kajian	12
1.7	Batasan Kajian	19
1.8	Definisi Operasi	19
1.8.1	Keganasan Rumah Tangga	19
1.8.2	Stasis	20

1.8.3	Disorientasi	20
1.8.4	Ulang-alik	21
1.8.5	Geo-Naratif	22
1.8.6	Perjalanan	23
1.9	Kesimpulan	23
BAB 2 PERJALANAN WANITA MENYELAMATKAN DIRI DARIPADA KEGANASAN RUMAH TANGGA		
2.1	Pengenalan	25
2.2	Latar Belakang Wanita dan Keganasan Rumah Tangga	27
2.3	Sumber Informasi Mendapatkan Bantuan	39
2.3.1	Kepentingan Media dan Internet	42
2.4	Naratif Perjalanan Wanita Menyelamatkan Diri dalam Kajian Geografi	45
2.4.1	Force Individual Exile: Teori Pergerakan Rhizom dan Dendriform	46
2.4.2	Strategi Stay Put, Remain Local dan Go Elsewhere	50
2.4.3	Fragmented Journeys	55
2.5	Campur Tangan yang Terlibat dalam Perjalanan	58
2.5.1	Campur Tangan daripada Pihak Polis	60
2.5.2	Campur Tangan daripada Pihak Hospital	62
2.5.3	Campur Tangan daripada Rakan dan Keluarga	65
2.5.4	Kepentingan Campur Tangan Tidak Formal	68
2.6	Geo-Naratif Berasaskan GIS	71
2.7	Kerangka Konseptual	73
2.8	Kesimpulan	75
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	77

3.2	Pertimbangan Etika	78
3.3	Persampelan Bertujuan dan Teoritik	80
3.3.1	Persampelan Bertujuan	81
3.3.2	Persampelan Teoritik	83
3.4	Penghasilan Geo-Naratif melalui Kaedah Penceritaan	84
3.4.1	Kaedah Penceritaan	87
3.4.2	Pemprosesan Data Tekstual dalam Atlas. Ti	89
3.4.3	Pemvisualan Naratif Perjalanan Menggunakan QGIS	89
3.4.4	Langkah Penghasilan Visual Perjalanan Wanita	91
3.5	Kesimpulan	98

BAB 4 NARATIF PERJALANAN WANITA YANG DIDERA

4.1	Pendahuluan	100
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	101
4.3	Keadaan Stasis	108
4.3.1	Sepenuhnya Stasis: “Fikirkan Mak dan Tempat Cari Makan”	112
4.3.2	Stasis Sebelum Mula Melangkah: “Orang Luar” dan “Takut nak Melangkah”	117
4.3.3	Dua Fasa Stasis: Fikir Pelajaran Anak-anak sambil Menyusun Perancangan Lari ke Tempat Rahsia	124
4.4	Campur Tangan yang Terlibat dalam Perjalanan Limah, Ayu dan Suzi	134
4.5	Perjalanan Ulang-alik	155
4.5.1	Fasa Ulang-alik: Penambahbaikan daripada Setiap Perjalanan Lalu	156
4.5.2	Fasa Ulang-alik: Dari Lokasi Asal yang Berbeza ke Campur Tangan yang Sama	163

4.6	Campur Tangan Yang Terlibat dalam Perjalanan Shalini dan Yana	174
4.7	Perjalanan Disorientasi : Aib	181
4.8	Campur Tangan yang Terlibat dalam Perjalanan Anis	188
4.9	Kesimpulan	191

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	193
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	194
5.2.1	Keganasan Rumah Tangga Boleh Berlaku pada Semua Jenis Latar Belakang	195
5.2.2	Campur Tangan yang Terlibat dalam Perjalanan Menyelamatkan Diri daripada Keganasan Rumah Tangga	197
5.2.3	Setiap Perjalanan yang Dilakukan oleh Wanita untuk Menyelamatkan Diri daripada Keganasan Rumah Tangga adalah Berbeza	199
5.3	Implikasi Kajian	202
5.4	Cadangan Kajian	207
5.5	Kesimpulan	209

RUJUKAN	211
----------------	-----

LAMPIRAN	221
-----------------	-----



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
4.1	Latar belakang peserta kajian	102
4.2	Campur tangan yang terlibat dalam perjalanan Ayu	135
4.3	Campur tangan yang terlibat dalam perjalanan Suzi	138
4.4	Campur tangan yang terlibat dalam perjalanan Shalini	175
4.5	Campur tangan yang terlibat dalam perjalanan Yana	176
4.6	Campur tangan yang terlibat dalam perjalanan Anis	184



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Tiga strategi oleh Bowstead (2021)	54
2.2	Kerangka Konseptual Kajian	75
3.1	Poster Hebahan Untuk Mendapatkan Sampel Kajian	81
3.2	Jadual Atribut Peserta Kajian	90
3.3	Pautan URL Yang Diperoleh Daripada Laman Web TYC GIS	93
3.4	<i>Add Delimited Text Layer</i> Dipilih Untuk Menamah Lapisan Spatial	94
3.5	Paparan <i>Delimited Text</i>	95
3.6	<i>Points to Path</i>	96
3.7	Paparan Ruangan <i>Points to Path</i> Yang Perlu Diisi	97
3.8	Contoh Paparan Akhir Visual Perjalanan Peserta Kajian	98
4.1	Visual Sepenuhnya Stasis Oleh Limah	114
4.2	Visual Stasis Sebelum Melangkah Oleh Ayu	119
4.3	Garis Masa Perjalanan Ayu Menyelamatkan Diri daripada Keganasan Rumah Tangga	120
4.4	Visual Dua Fasa Stasis Oleh Suzi	126
4.5	Garis Masa Perjalanan Suzi Menyelamatkan Diri daripada Keganasan Rumah Tangga	128
4.6	Visual Fasa Perjalanan Ulang-Alik Oleh Shalini	160
4.7	Garis Masa Perjalanan Shalini Menyelamatkan Diri daripada Keganasan Rumah Tangga	161
4.8	Visual Perjalanan Ulang-Alik Oleh Yana	165



4.9	Garis Masa Perjalanan Yana Menyelamatkan Diri daripada Keganasan Rumah Tangga	167
4.10	Visual Perjalanan Disorientasi Oleh Anis	182
4.11	Garis Masa Perjalanan Anis Menyelamatkan Diri daripada Keganasan Rumah Tangga	183



SENARAI SINGKATAN

CRS	Coordinated Reference System
CSV	Comma Separated Value
GIS	Geographic Information System
IO	Interim Officer
IPO	Interim Protection Oder
JKM	Jabatan Kebajikan Malaysia
NGO	Non-Governmental Organisation
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
QGIS	Quantum Geographic Information System
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
URL	Uniform Resource Locator
WAO	Womens' Aid Organisation
WCC	Women's Centre Change
WHO	World Health Organisation

SENARAI LAMPIRAN

- A Lembaran Maklumat
- B Borang Persetujuan
- C Soalan Panduan



BAB 1

PENGENALAN



Keganasan rumah tangga ialah satu jenayah yang telah mengancam keselamatan wanita di dunia. Satu daripada tiga wanita dengan populasi sekitar 736 juta berhadapan dengan keganasan fizikal dan seksual oleh pasangan atau keganasan seksual daripada bukan pasangan sepanjang hidup mereka. Dalam masa yang sama, satu daripada empat wanita muda dalam lingkungan 15 hingga 24 tahun yang telah menjalin hubungan dengan pasangan akan mengalami keganasan rumah tangga oleh pasangan mereka pada saat mereka mencecah umur 20-an (*World Health Organization* [WHO]2021). Pasangan yang dimaksudkan oleh WHO (2021) adalah merangkumi pasangan yang tidak berkahwin dan telah berkahwin.





Ahli geografi di dunia turut membincangkan keganasan rumah tangga dari sudut ruang dalam kajian mereka. Pain (2014) berpendapat bahawa rumah merupakan ruang utama berlakunya keganasan rumah tangga. Pandangan ini turut disokong oleh Warrington (2001) yang menyatakan bahawa meskipun rumah dikenali sebagai tempat yang selamat dan memberikan sokongan, rumah juga boleh menjadi tempat berlakunya keganasan. Meth (2003) dalam kajiannya melihat ruang berlakunya keganasan rumah tangga tidak terhad kepada ruang peribadi sahaja tetapi keganasan tetap boleh berlaku pada wanita di ruang awam.

Janet Bowstead merupakan ahli geografi yang aktif menjalankan kajian mengenai perjalanan wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga. Beliau merupakan ahli akademik yang mempunyai latar belakang profesional melebihi 30 tahun dalam barisan hadapan, polisi dan koordinasi kerja mengenai keganasan terhadap wanita dan isu keganasan rumah tangga. Beliau telah menghasilkan banyak kajian yang berkualiti tinggi mengenai keganasan terhadap wanita. Dalam perenggan ini, pengkaji hanya membincangkan kajian Janet Bowstead yang memfokuskan perjalanan menyelamatkan diri oleh wanita dalam kajian-kajian lepasny.

Dalam kajian Bowstead (2011) telah menggunakan teknik pemetaan untuk menilai ciri-ciri reruang, jarak dan arah perjalanan yang dilakukan untuk mendapatkan perkhidmatan sokongan apabila melarikan diri daripada keganasan rumah tangga. Selain itu, Bowstead (2015) turut mengkaji perjalanan menyelamatkan diri oleh wanita bersama-sama anak mereka daripada keganasan dalam perhubungan.





Kajian yang dijalankan oleh Bowstead terus berkembang dengan menghasilkan teori mengenai geografi perjalanan keganasan rumah tangga di England. Beliau menggunakan konsep *force exile* yang diperoleh daripada kajian migrasi antarabangsa, konsep pergerakan rizom serta *dendriform* untuk memahami perjalanan yang dilakukan oleh wanita untuk menyelamatkan diri. Bowstead (2017) turut mengilustrasikan bagaimana perjalanan wanita menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga yang kompleks dan berseghmen lazimnya dipecah-pecahkan lagi oleh polisi pentadbiran organisasi dalam kajiannya. Bowstead (2020) menjelaskan tiga hujah dalam kajian ini iaitu perjalanan yang menggunakan pengangkutan awam untuk bergerak, perjalanan oleh wanita yang kurang berupaya dan perjalanan dari kawasan pedalaman untuk menyelamatkan diri daripada hubungan dalam penderaan.



Secara keseluruhannya, keganasan rumah tangga merupakan isu besar yang telah lama dibincangkan oleh ahli-ahli geografi dunia seperti Warrington (2001), Pain (2014), Bowstead (2011) dan sebagainya. Ekonomi sesebuah negara juga akan turut terjejas sekiranya isu keganasan rumah tangga terus dipandang ringan oleh pihak kerajaan khususnya. Keganasan rumah tangga bukan sahaja memberikan kesan fizikal, emosi dan mental pada wanita, malah ia telah menjejaskan ekonomi kerana jumlah penyertaan wanita dalam pasaran kerja semakin berkurangan. Oleh itu, kajian mengenai keganasan rumah tangga perlu diperbanyakkan supaya dapat mengenal pasti kaedah campur tangan yang berkesan dan sesuai untuk membantu lebih ramai wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga.





1.2 Latar Belakang Kajian

Keganasan rumah tangga merupakan jenayah domestik yang memberikan kesan besar kepada keluarga, masyarakat dan negara. Di Malaysia, definisi keganasan rumah tangga tidak spesifik terhadap wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga sebaliknya bersifat lebih umum mengenai jenayah terhadap keluarga. Menurut Sahdan (2019), keganasan rumah tangga ialah sebarang jenis penderaan oleh suami terhadap isteri. Keganasan rumah tangga melibatkan kawalan penderaan melalui fizikal, psikologi dan/atau penderaan emosi berbanding peristiwa yang berlaku sekali melibatkan keganasan fizikal atau pergaduhan.

Suami atau pasangan yang mendera wanita pula akan dikenali sebagai pendera.

Pendera ini lazimnya akan memperhalusi taktik untuk terus mengawal dan mendera pasangan mereka. Pendera bertindak melakukan perbuatan yang sedemikian kerana ingin mengekalkan kekuasaan dan berniat untuk terus mengawal pasangan mereka. Rasa takut yang timbul dalam diri wanita yang didera telah dieksploitasi agar pendera dapat memaksa pasangan mereka untuk melakukan sesuatu perkara menurut kemahuan pendera.

Meskipun Malaysia merupakan antara negara terawal dalam menguatkuasakan akta keganasan rumah tangga di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, namun masih belum mempunyai kaedah yang berkesan untuk membendung peningkatan kes ini secara total. Di samping itu, campur tangan yang kurang berkesan daripada pihak polis dan hospital menjadikan wanita lebih sukar mendapatkan bantuan untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga. Pernyataan ini turut disokong





oleh dapatan kajian Sajaratulnisah dan Azmi (2008) dan Tucker (2012) yang menyatakan bahawa sebahagian besar kakitangan hospital dan polis masih kurang mahir mengendalikan kes keganasan rumah tangga secara efisien.

Sahdan (2019) telah mengkaji keganasan rumah tangga di Malaysia daripada aspek ruang dan budaya dalam konteks geografi. Kajian beliau membincangkan konsep penjara intimasi oleh wanita yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, rintangan hubungan dalam perkahwinan, agama dan budaya. Aspek tingkah laku wanita untuk mendapatkan bantuan secara formal dan tidak formal turut dibincangkan secara terperinci dalam kajian beliau. Bentuk bantuan secara formal yang telah diterima oleh wanita adalah daripada pihak polis, bantuan guaman dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) manakala bantuan secara tidak formal yang diterima oleh wanita adalah daripada keluarga dan rakan-rakan. Selain itu, kajian ini turut menyentuh pengaruh budaya dan etnik dalam keganasan rumah tangga dengan pendefinisian peranan suami melalui dua konsep iaitu lelaki menyerupai Tuhan dan suami yang alim.

Kes keganasan rumah tangga mula mendapat perhatian daripada bidang akademik berikutan statistik kes yang semakin meningkat. Rauf dan Ayob (2020), kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan meningkat sehingga di paras yang merisaukan. Peningkatan yang signifikan ini adalah kerana pada tahun 2017, jumlah kes keganasan rumah tangga dilaporkan telah menurun dari tahun-tahun sebelumnya. Jumlah kes keganasan rumah tangga yang menurun pada tahun 2017 adalah kerana faktor wanita yang didera tidak membuat laporan polis terhadap penderaan yang dilakukan oleh pendera.





Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan berikutan fenomena jangkitan Virus Covid telah menyebabkan lebih ramai wanita yang didera terperangkap dan lebih sukar untuk menyelamatkan diri mereka. Try (2020) dalam kajiannya juga mendapati wanita di Malaysia berisiko tinggi untuk terdedah dengan keganasan rumah tangga semasa PKP dilaksanakan. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga berhadapan dengan situasi tempat tinggal yang tidak selamat semasa PKP dilaksanakan di Malaysia. Perkara ini juga secara langsung menyebabkan kadar kes keganasan rumah tangga di Malaysia semakin meningkat.

Kesimpulannya, kajian mengenai perjalanan wanita menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga perlu dikaji dengan lebih serius di Malaysia. Kajian ini dapat memberikan gambaran sebenar kepada wanita yang ingin memulakan perjalanan untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga. Perjalanan yang dilalui oleh wanita adalah kompleks dan sukar diramal. Oleh itu, wanita perlu diberi gambaran untuk bersedia daripada segi mental, fizikal, kewangan dan sebagainya. Kajian mengenai keganasan rumah tangga juga akan menghasilkan campur tangan yang lebih efisien. Manfaat dan faedah daripada kajian yang dijalankan akan dapat membantu lebih ramai wanita yang masih terperangkap hubungan dalam penderaan (*abusive relationship*).



1.3 Pernyataan Masalah

Perjalanan wanita untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga merupakan perkara penting yang perlu difahami untuk memberikan campur tangan yang efisien kepada wanita. Walau bagaimanapun, perkara ini acap kali kurang diberi perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab untuk memberikan campur tangan berkesan kepada wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga.

Campur tangan yang kurang efisien daripada pihak berkepentingan turut dilihat jelas apabila keganasan rumah tangga berlaku dalam tempoh yang panjang dalam kalangan wanita yang didera di Malaysia. Menurut WAO (*Womens' Aid Organisation*) (2015), 40% daripada 110 wanita dilaporkan telah mengalami keganasan rumah tangga lebih daripada lima tahun. 41% wanita lagi telah mengalami keganasan rumah tangga di antara satu hingga lima tahun manakala 19% wanita pula mengalami keganasan rumah tangga kurang daripada setahun. Selain itu, 61% daripada 110 wanita yang sama pernah meninggalkan rumah mereka sekurang-kurangnya sekali untuk mendapatkan perlindungan daripada WAO. 20% wanita lagi pula pernah membuat percubaan untuk meninggalkan rumah lebih daripada lima kali. Wanita memilih untuk kembali pada pendera atas pelbagai sebab seperti faktor kewangan, kerisauan untuk membesarkan anak sebagai ibu tunggal dan stigma masyarakat untuk tidak meneruskan perkahwinan.

Laporan WAO (2015) juga membincangkan ketersediaan perkhidmatan perubatan kepada wanita dalam sektor kerajaan dan swasta. Perkhidmatan perubatan pada wanita keganasan rumah tangga tidak disediakan secara meluas di hospital kerajaan manakala perkhidmatan ini tidak disediakan di hospital kesihatan sektor



swasta. Perkhidmatan perubatan di sektor swasta amat penting kerana ramai wanita yang didera turut menjadikan tempat tersebut sebagai lokasi pertama untuk mendapatkan bantuan. Dalam Laporan WAO (2017) pula mendapati meskipun beberapa laporan polis telah dibuat oleh wanita untuk mendapatkan perlindungan daripada pendera, terdapat beberapa kes keganasan rumah tangga yang tidak diambil tindakan oleh pihak polis. Hal ini berkemungkinan terjadi disebabkan kekurangan anggota polis yang mahir dan cekap dalam menguruskan kes keganasan rumah tangga.

Campur tangan yang efektif akan dapat disampaikan sekiranya pihak berkepentingan memahami perjalanan yang dilalui oleh wanita untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga. Pendedahan mengenai perjalanan yang dilakukan oleh wanita akan memudahkan pihak berkepentingan merangka strategi untuk membantu lebih ramai wanita yang terperangkap dalam situasi keganasan rumah tangga. Perjalanan wanita yang menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga ialah perkara penting yang perlu dikaji. Oleh itu, sebuah peta tiga dimensi akan dibina menggunakan perisian QGIS (*Quantum Geographic Information System*). Peta tiga dimensi perjalanan wanita menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga akan membantu pihak berkepentingan seperti pihak polis, hospital, pertubuhan bukan kerajaan seperti WAO dan jabatan kebajikan memahami perjalanan wanita yang kompleks, berseghmen dan berpecah-pecah.

Di Malaysia, kajian mengenai keganasan rumah tangga kurang memberikan perhatian kepada ciri-ciri geografi perjalanan penempatan semula (*relocation*) oleh wanita yang menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga. Sementara itu, kajian di Malaysia lebih banyak membincangkan punca keganasan rumah tangga





seperti Norashikin (2002). Kajian geografi mengenai keganasan rumah tangga masih tidak banyak dijalankan dan dibincangkan di Malaysia dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Antara contoh kajian keganasan rumah tangga yang dibincangkan melalui ciri geografi secara kualitatif ialah Sahdan (2019) yang membincangkan aspek ruang dan budaya dalam keganasan rumah tangga di Malaysia. Kajiannya telah menghasilkan konsep penjara intimasi yang bersesuaian dengan konteks diversiti masyarakat Malaysia. Pendekatan kualitatif dalam kajian keganasan rumah tangga dapat memaksimumkan suara wanita yang didera sebagai data untuk memahami perjalanan yang telah dihadapi.

Kajian yang memfokuskan latar belakang wanita yang menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga masih kurang dijalankan di Malaysia. Kajian yang bersifat kuantitatif menyukarkan lagi masyarakat untuk faham dengan situasi sebenar yang dihadapi oleh wanita yang didera untuk menyelamatkan diri. Hal ini demikian kerana naratif perjalanan yang dilalui oleh wanita yang didera tidak diperincikan dalam kajian yang bersifat kuantitatif seperti latar belakang wanita yang didera. Setiap latar belakang wanita yang didera adalah unik (Bowstead, 2016) dan tidak boleh digeneralisasikan dengan mudah oleh pengkaji yang melaksanakan kajian mengenai keganasan rumah tangga. Stigma isu keganasan rumah tangga hanya masalah rumah tangga biasa dalam diri masyarakat perlu diubah melalui pelaksanaan kajian yang lebih mendalam daripada pelbagai bidang seperti bahasa, sains dan kemanusiaan.

Perjalanan wanita yang menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga ialah perkara penting yang perlu dikaji oleh penyelidik geografi. Pola yang dihasilkan daripada trend perjalanan oleh wanita yang didera seperti stasis, disorientasi dan ulang-





alok akan memudahkan lagi semua pihak untuk memahami perjalanan yang dilalui oleh wanita untuk menyelamatkan diri. Oleh itu, sebuah peta tiga dimensi akan dibina menggunakan perisian QGIS.

Peta tiga dimensi perjalanan wanita yang menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga akan membantu pihak berkepentingan seperti pihak polis, hospital, pertubuhan bukan kerajaan seperti WAO dan jabatan kebajikan untuk memahami perjalanan setiap perjalanan yang dilalui oleh wanita untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga. Selain itu, peta yang divisualisasikan juga berupaya membantu masyarakat untuk memahami perjalanan yang dilalui oleh wanita yang menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga tidak mudah dan memerlukan campur tangan yang bersesuaian daripada semua pihak. Selain itu, hasil naratif visual perjalanan yang dibina daripada perisian QGIS dapat membantu pembaca untuk lebih memahami konteks perjalanan yang dihadapi oleh wanita untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga.

Kesimpulannya, perjalanan yang dilalui oleh wanita untuk keluar daripada keganasan rumah tangga di Malaysia perlu dikaji dengan lebih mendalam daripada aspek geografi. Penggunaan teknologi perisian QGIS dilihat dapat membantu menambahkan kefahaman masyarakat dan pihak berkuasa untuk memahami pola perjalanan yang dilalui oleh wanita untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga.

Oleh itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat membuka lebih banyak mata pihak berkuasa tentang perjalanan yang sedang dihadapi oleh ramai wanita yang sedang



menghadapi keganasan rumah tangga. Faedah yang dapat diperoleh daripada kajian ini mampu memberikan impak kepada pihak yang berkepentingan dan masyarakat. Kajian ini juga dapat membuka mata setiap lapisan masyarakat mengenai realiti yang berlaku kepada mangsa keganasan rumah tangga apabila mereka menyelamatkan diri daripada pendera.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah latar belakang wanita yang terlibat dalam perjalanan menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga?
2. Apakah bentuk campur tangan yang diterima oleh wanita untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga?
3. Bagaimanakah naratif visual perjalanan wanita yang menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga?

1.5 Objektif Kajian

Untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut, kajian ini telah dilaksanakan berdasarkan tiga objektif tersebut:

1. Meneliti latar belakang wanita yang terlibat dalam perjalanan menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga.
2. Mengeksplorasi campur tangan yang terlibat dalam perjalanan menyelamatkan diri keganasan rumah tangga.
3. Memerihalkan naratif visual perjalanan wanita yang menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian keganasan rumah tangga yang mengkaji dari sudut ruang dalam konteks Malaysia masih kurang diberikan perhatian oleh kebanyakan pengkaji. Kajian seperti ini akan memberikan lebih banyak kelebihan dan faedah kepada pihak kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan serta masyarakat awam khususnya.

a) Kepentingan Kajian kepada Bidang Geografi

Kajian keganasan rumah tangga dalam konteks Malaysia lebih banyak dikaji dalam aspek perundangan dan perubatan berbanding aspek ruang dalam keganasan rumah tangga. Oleh itu, ahli geografi memainkan peranan yang penting dalam memberikan pencerahan tentang isu keganasan rumah tangga daripada aspek ruang pada masyarakat dan dunia akademik khususnya.

Kemahiran pemetaan yang dikuasai oleh ahli geografi dapat digunakan bagi membantu masyarakat memahami perjalanan yang dilalui oleh wanita untuk keluar daripada keganasan rumah tangga. Penggunaan perisian QGIS berupaya memetakan perjalanan setiap peserta kajian mengikut tahun dan tempoh masa perjalanan yang dilalui oleh wanita dapat memudahkan lagi pembaca untuk memahami pola perjalanan setiap peserta dalam kajian ini.

b) Kepentingan Kajian kepada Organisasi Bukan Kerajaan

Di Malaysia, antara pihak yang bertanggungjawab memberikan campur tangan kepada wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga ialah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti WAO dan WCC (*Women's Centre Change*). Salah satu cara terbaik untuk memberikan bantuan kepada wanita yang mengalami keganasan rumah tangga adalah dengan memahami terlebih dahulu perjalanan wanita untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga.

Oleh itu, kajian ini berupaya untuk membantu organisasi bukan kerajaan seperti WAO dan WCC untuk menyediakan perkhidmatan dan servis yang lebih efisien kepada wanita yang ingin membuat perjalanan menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga. Malah, visual naratif perjalanan yang dilalui oleh peserta kajian juga dapat dilakukan untuk wanita-wanita yang mendapatkan bantuan daripada badan-badan bukan kerajaan. Hal ini demikian kerana visual naratif perjalanan wanita yang didera dapat dijadikan sebagai rujukan untuk penambahbaikan untuk campur tangan seterusnya.



Kajian ini juga dapat memberikan impak kepada organisasi bukan kerajaan daripada segi pendokumentasian perjalanan yang dilakukan oleh wanita yang telah dibantu oleh WAO atau WCC. Peta tiga dimensi tersebut memudahkan pembaca dan pekerja sosial untuk menerangkan jenis bantuan yang diberikan sekali gus menunjukkan kesan campur tangan dalam setiap perjalanan yang dilakukan.

Jelaslah bahawa kajian ini memberikan impak kepada organisasi bukan kerajaan seperti *Women's Aid Organisation* (WAO), dan *Women's Centre for Change* (WCC) dan sebagainya. Geo-naratif bukan sahaja dapat membantu organisasi ini lebih memahami naratif perjalanan yang dilakukan oleh wanita yang didera, tetapi juga memberikan kesan daripada segi persembahan data yang turut juga boleh digunakan sebagai pendokumentasian laporan setiap tahun. Oleh itu, kajian ini diharapkan agar dapat membuka mata pihak organisasi bukan kerajaan untuk lebih terbuka untuk bekerjasama bersama pengkaji dalam bidang geografi khususnya.

c) **Kepentingan kajian kepada Organisasi Kerajaan**

Melalui pemahaman perjalanan wanita, pihak kerajaan dapat menggubal undang-undang dan polisi yang lebih efisien bagi membantu wanita melakukan perjalanan untuk menyelamatkan diri mereka daripada keganasan rumah tangga. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 wajar dikaji semula sesuai dengan keperluan wanita yang didera pada masa kini. Aspek ruang turut perlu diberikan perhatian oleh penggubal dasar dan organisasi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM). Oleh itu, kajian ini





penting untuk dijadikan sebagai rujukan awal bagi memahami keganasan rumah tangga dalam aspek ruang.

Oleh itu, kajian ini penting kepada pihak kerajaan untuk menambah baik sistem perundangan yang melibatkan keganasan rumah tangga di Malaysia. Dengan mengambil aspek latar belakang sebagai objektif dalam kajian ini, hasil dapatan jelas menunjukkan bahawa keganasan rumah tangga berupaya untuk berlaku pada wanita tanpa mengira tahap pendidikan mahupun pekerjaan. Jelaslah bahawa kajian ini penting kepada organisasi kerajaan untuk sentiasa cakna dan menambah baik servis dan perkhidmatan yang disediakan untuk membantu wanita yang sedang menghadapi keganasan rumah tangga. Isu seperti rogol dalam perkahwinan juga wajar dikaji semula supaya perkara ini dipandang serius oleh semua pihak yang bertanggungjawab.



Akta 375A di bawah Kanun Keseksaan masih belum dapat menyelamatkan ramai wanita yang menghadapi bentuk keganasan seksual yang dilakukan oleh pendera. Definisi yang terlalu ringkas dan berfokuskan pada keganasan fizikal dalam Seksyen 375A di bawah Kanun Keseksaan sahaja telah menyebabkan isu ini semakin kurang dibincangkan oleh segelintir masyarakat saban hari. Oleh itu, kajian ini penting dalam membantu pihak penggubal dasar untuk cakna dengan perkara yang sedang dialami oleh wanita yang menghadapi bentuk keganasan seksual dalam keganasan rumah tangga. Kajian ini juga penting dalam menambah sokongan kepada dapatan kajian-kajian lepas yang membincangkan isu keganasan rumah tangga di Malaysia.

Kajian ini juga akan memberikan kelebihan kepada pihak yang berkepentingan seperti pihak polis dan hospital. Pihak yang bertanggungjawab memberikan campur



tangan awal seperti pihak polis dan hospital dapat memberikan pelbagai bentuk bantuan yang bersesuaian dengan keadaan serta situasi wanita sewaktu melakukan perjalanan. Pengaruh latar belakang yang berbeza menjadikan setiap bentuk perjalanan yang dihadapi oleh wanita untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga adalah berbeza dan unik. Oleh itu, peta tiga dimensi yang dihasilkan melalui perisian QGIS akan memudahkan lagi penyediaan bantuan yang lebih menyeluruh tanpa mengira latar belakang atau tempat tinggal wanita yang ingin menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga.

Kesimpulannya, kajian ini memainkan peranan yang penting dalam memberikan gambaran sebenar perjalanan yang dilalui oleh wanita yang menyelamatkan diri mereka daripada keganasan rumah tangga. Selain itu, kajian ini juga penting untuk membantu organisasi kerajaan dalam menyediakan campur tangan yang lebih efisien dan sesuai dengan situasi yang sedang dialami oleh wanita ketika menyelamatkan diri. Seterusnya, kajian ini juga penting kepada penggubal dasar untuk mengkaji semula undang-undang yang terpakai oleh wanita yang didera sehingga hari ini.

d) Kepentingan Kajian terhadap Masyarakat Awam

Kajian ini penting kepada masyarakat kerana dapat membantu mereka untuk lebih memahami gambaran sebenar yang dialami oleh wanita untuk menyelamatkan diri mereka daripada keganasan rumah tangga. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu mengubah persepsi masyarakat terhadap wanita yang melakukan perjalanan



menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga ke arah yang lebih positif. Peta tiga dimensi yang dihasilkan dapat membantu masyarakat lebih memahami perjalanan yang dilalui oleh wanita untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga adalah tidak mudah. Setiap lapisan masyarakat perlu memahami perjalanan yang dilakukan oleh wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga dengan merujuk peta tiga dimensi yang telah dihasilkan.

Kajian ini juga penting untuk membuktikan bahawa masyarakat memainkan peranan yang penting dalam membantu wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga menyelamatkan diri dengan lebih mudah. Peranan masyarakat dalam isu keganasan rumah tangga dapat difahami melalui kajian ini. Oleh itu, kajian ini mempunyai kepentingannya tersendiri dalam menunjukkan peranan masyarakat dalam



Kesimpulannya, kajian ini penting kepada masyarakat awam yang mempunyai peranan penting dalam keganasan rumah tangga. Peranan ini seharusnya diberikan perhatian oleh pengkaji-pengkaji serta organisasi kerajaan dan bukan kerajaan di Malaysia. Diharapkan supaya masyarakat awam juga dapat bertindak dalam memberikan campur tangan yang berkesan kepada wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga.





e) **Kepentingan Kajian Terhadap Wanita**

Wanita yang menghadapi keganasan rumah tangga juga dapat melihat pola pergerakan perjalanan wanita yang telah menyelamatkan diri dan berpeluang untuk merangka strategi yang lebih baik untuk menyelamatkan diri daripada hubungan dalam penderaan. Berdasarkan pengalaman perjalanan yang dilalui oleh peserta kajian, wanita yang sedang menghadapi keganasan rumah tangga atau mengenali wanita yang terlibat dalam keganasan rumah tangga dapat mempelajari dan merancang perjalanan untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga.

Kajian ini juga penting kepada wanita kerana ia dapat membuktikan bahawa wanita yang didera tidak pernah berhenti berusaha untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga meskipun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran. Kepelbagaian latar belakang peserta kajian juga dapat membuktikan bahawa wanita sentiasa terdedah untuk terlibat dalam keganasan rumah tangga.

Tuntasnya, kajian ini akan memberikan kelebihan kepada kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, masyarakat dan wanita. Kajian ini juga diharapkan dapat mengubah pandangan masyarakat mengenai keganasan rumah tangga di Malaysia. Oleh itu, dapatan kajian ini akan dimanfaatkan dengan sebaik mungkin untuk kegunaan semua pihak.





1.7 Batasan Kajian

Kajian ini hanya fokus terhadap wanita yang didera dan membuat perjalanan di dalam Semenanjung Malaysia sahaja. Kajian ini juga bertumpu kepada perjalanan wanita yang menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga dengan memfokuskan wanita daripada pelbagai kumpulan etnik dan budaya di Malaysia.

1.8 Definisi Operasi

Terdapat beberapa istilah penting yang diguna pakai dalam kajian yang dijalankan. Istilah-istilah yang digunakan mempunyai definisi mengikut konteks kajian ini.

Definisi konsep dalam kajian memberi penerangan secara umum dan khusus mengenai sesuatu maksud yang berkaitan dengan wanita dan keganasan rumah tangga.

1.8.1 Keganasan Rumah Tangga

Definisi keganasan rumah tangga dalam kajian ini merujuk kepada penderaan yang dilakukan oleh suami terhadap isteri. Penderaan yang dilakukan dalam keganasan rumah tangga merangkumi aspek fizikal, seksual, emosi, ekonomi atau tindakan psikologi dan ancaman untuk mempengaruhi orang lain. Tingkah laku yang dimaksudkan ialah menakut-nakutkan, memanipulasi, menyakiti, mengaibkan, menyalahkan atau mencederakan seseorang. Keganasan rumah tangga boleh terjadi kepada sesiapa sahaja tanpa mengira latar belakang agama, bangsa, kelas ekonomi,



pendidikan, umur dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, keganasan rumah tangga membawa maksud penderaan secara fizikal, mental, emosi, seksual dan psikologi yang telah atau sedang dialami oleh wanita.

1.8.2 Stasis

Istilah stasis dalam kajian ini merujuk kepada keadaan atau tempoh yang tidak aktif. Keadaan ini tidak menyamai dengan statik atau sepenuhnya tidak bergerak. Stasis pernah dilalui oleh kebanyakan wanita dalam keganasan rumah tangga sama ada tidak mempunyai sokongan keluarga, telah melalui fasa lain yang hampir meragut nyawa atau sedang merancang dengan teliti tindakan untuk ke tempat yang lebih selamat.

Menurut *Cambridge Dictionary* (2024), stasis merujuk kepada satu tahap yang tidak berubah. Menurut Kiely (2021) pula dalam konteks kajian kesihatan mental di United Kingdom, stasis dapat difahami sebagai tindakan menunggu secara berterusan dalam satu tempoh. Kesan daripada stasis ialah perasaan kelambatan, kebuntuan dan kegilaan.

1.8.3 Disorientasi

Perjalanan disorientasi dalam kajian ini merupakan perjalanan yang tiada hala tuju destinasi dan tanpa mengetahui akibat daripada perjalanan tersebut. Fasa perjalanan disorientasi ini berlaku kerana wanita yang didera merasakan bahawa keselamatan



keluarga mereka terancam dengan tindakan atau ugutan daripada pendera. Selain itu, fasa disorientasi ini berlaku kerana keluarga wanita yang didera lebih mempercayai pendera berbanding mereka sendiri. Hal ini sekali gus menyebabkan wanita yang didera tidak mempunyai sesiapa untuk dipercayai.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (1994), disorientasi merujuk kepada proses atau keadaan yang mengelirukan atau membingungkan berhubung dengan masa, tempat dan identiti. Daripada perspektif geografi pula, Montello (2020) menyatakan bahawa disorientasi dalam geografi berlaku apabila seseorang menyedari bahawa mereka tidak pasti tentang di mana mereka berada dan/atau di mana mereka perlu pergi untuk sampai ke destinasi mereka. Dalam kajian ini, peserta kajian yang mengalami naratif disorientasi tidak mempunyai lokasi tetap tetapi mempunyai satu tujuan iaitu ke lokasi yang selamat.

1.8.4 Ulang-alik

Perjalanan ulang-alik lazimnya dilakukan oleh wanita yang telah menerima campur tangan yang berkesan. Namun, tindakan kembali pulang kepada pendera telah menyebabkan mereka sekali lagi perlu melarikan diri daripada pendera. Oleh hal yang demikian, perjalanan ulang-alik dalam kajian ini merupakan pergerakan perjalanan yang berulang dari lokasi asal ke tempat yang menawarkan campur tangan.

Dalam keadaan perjalanan fasa ulang-alik, keluarga lazimnya merupakan campur tangan utama yang sentiasa memberikan sokongan terhadap wanita yang





didera. Selain itu, wanita yang didera juga hanya mempunyai keluarga/rakan selain dari rumah perlindungan sebagai campur tangan utama. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (1994), ulang-alik merujuk kepada kerap kali (berkali-kali) pergi dan balik, bolak-balik, mundur-mandir. Dalam konteks kajian yang berbeza daripada kajian ini, Yahaya et al. (2023) telah menggunakan istilah ulang-alik bagi menggambarkan pergerakan pekerja yang bergerak dari rumah ke tempat kerja setiap hari. Oleh itu, istilah ulang-alik adalah bersesuaian dengan konteks naratif perjalanan yang dilakukan oleh peserta kajian yang membuat perjalanan ulangan di lokasi yang sama.

1.8.5 Geo-Naratif



Geo-naratif merupakan pendekatan yang telah diambil sepanjang kajian ini dilaksanakan. Pendekatan ini menggabungkan analisis naratif dan kaedah geografi-masa berasaskan GIS (*Geographic Information System*) tiga dimensi dengan perisian analisis data kualitatif berbantuan komputer (CAQDAS) (Kwan, 2008). Pendekatan ini dapat meningkatkan keupayaan GIS semasa analisis dan tafsiran bahan naratif seperti sejarah lisan, sejarah hidup dan biografi. Tujuan pendekatan ini diambil adalah bagi mengembangkan hubungan antara corak dan kronologi perjalanan wanita menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga. Menurut Creswell (2007) dalam Kwan dan Ding (2008), analisis naratif bertujuan untuk menganalisis perjalanan individu tersebut berdasarkan konteks sosial, budaya dan politik mereka. Oleh itu, kajian ini menggunakan teknologi dan analisis naratif yang terhasil daripada data kajian sepenuhnya.





1.8.6 Perjalanan

Kajian ini memfokuskan perjalanan wanita semasa menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga di Malaysia. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (1994), perjalanan dapat didefinisikan sebagai perihal berjalan atau sebuah pergerakan. Dalam kajian ini, perjalanan wanita menyelamatkan diri mengambil kira aspek perjalanan dari lokasi asal bersama pendera dan lokasi-lokasi seterusnya yang dilalui oleh wanita. Perjalanan yang dilakukan oleh wanita yang didera juga melibatkan latar belakang dan campur tangan yang terlibat dalam perjalanan tersebut.

1.9 Kesimpulan



Kesimpulannya, bab ini telah membincangkan dengan lebih terperinci tentang tujuan dan kepentingan kajian ini dilakukan. Pelbagai pihak berkepentingan akan memperoleh manfaat dan faedah daripada dapatan kajian yang dijalankan. Malah, campur tangan yang lebih berkesan dapat diberikan apabila setiap pihak memahami perjalanan wanita untuk menyelamatkan diri. Selain itu, bab ini turut menghuraikan persoalan kajian, kerangka konseptual, batasan kajian dan definisi konseptual.

Umum mengetahui bahawa kes keganasan rumah tangga telah dibincangkan dalam Malaysia sejak awal tahun 90-an lagi. Walau bagaimanapun, sehingga kini, negara kita masih tidak dapat membendung kes keganasan rumah tangga secara total. Meskipun begitu, kajian mengenai perjalanan yang dilakukan oleh wanita untuk menyelamatkan diri daripada keganasan rumah tangga masih kurang dilaksanakan.





Adalah penting untuk memahami kajian-kajian yang telah dilaksanakan sebelumnya bagi memahami isu keganasan rumah tangga dalam konteks global dan tempatan. Sehubungan itu, bab yang seterusnya akan memerihalkan kajian-kajian lepas yang membincangkan latar belakang wanita dan keganasan rumah tangga, campur tangan yang terlibat dalam keganasan rumah tangga dan geo-naratif berasaskan GIS.

